

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JULY 2017

Transformasi minda warga Felda - Najib

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 18 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu generasi muda Felda melakukan transformasi minda tanpa mengetepikan jati diri sebagai peneroka bagi mencapai kejayaan lebih besar pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, perubahan Felda bukan hanya perlu dilihat dari sisi fizikal namun mestilah turut melibatkan perubahan dalam aspek pemikiran yang berilmu.

“Generasi muda Felda tidak boleh terikat dengan kepompong

mentaliti ‘kampung’ dalam minda masing-masing sebaliknya mereka perlu mempunyai minda yang telah melalui transformasi yang besar.

“Cuba bayangkan dalam generasi kedua ini dan seterusnya, semua mempunyai semangat ‘kepenirokaan’, ada jati diri, tidak mudah mengaku kalah dan berdepan dengan apa juga cabaran. Maka kita akan mendapat satu formula yang mendorong ke arah kejayaan lebih besar,” katanya.

Beliau berucap dalam majlis sambutan Aidilfitri Salam Perantaraan Warga Felda 2017 di Kompleks Perbadanan Putrajaya di sini, hari ini.

Yang hadir sama Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim; Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Othman Aziz; Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman dan Pengarah Seranta Felda, Datuk Mohamad Khairudin Mohamad.

Dalam majlis sama, Perdana Menteri turut melancarkan buku *Akar Kami - Kisah Inspirasi Tokoh Profesional Generasi Felda* iaitu sebuah buku yang menghimpunkan kisah kejayaan anak-anak Felda bermula daripada generasi pertama sehingga kini.

Najib berkata, Felda telah lama mengamalkan prinsip transfor-

masi, bagaimanapun perbezaannya ialah dahulu isu lebih tertumpu kepada cara memecah kebuntuan tekanan kemiskinan melalui transformasi tanah.

Beliau berkata, bertitik tolak dari situ, maka wujud sebanyak 317 buah tanah rancangan dan yang menariknya konsep tersebut membawa kesan positif sehingga berlakunya mobiliti sosial dalam kalangan warga Felda.

“Kita hendak Felda menjadi kuasa ekonomi untuk melindungi kepentingan mereka. Saya mahu setiap anak peneroka Felda menjadi kuasa ekonomi dan berharap usaha ini akan menyumbang kepada generasi baharu,” katanya.

Um-19/7/2017 Pg. 3